



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH (D.1-2 EB.3)
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa yang mana dua daripadanya Mata Pelajaran Geografi / Matematik / Sains atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Buruh atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Pernah mengikuti Kursus Kemahiran Buruh-Buruh Hutan, Jabatan Perhutanan atau *Specialized Courses* yang diiktiraf adalah kelebihan.
3. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Menguatkuasakan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Hutan, Penggal 46, Undang-Undang Brunei dan semua Peraturan Di Bawah Seksyen 52 di dalam akta berkenaan. Ini termasuk peraturan pentadbiran sampingan yang dibuat dari semasa ke semasa bagi mengemaskinikan pelaksanaan akta berkenaan; dan



2. Melaksanakan semua tugas yang diatitkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN INDUSTRI PERKAYUAN, PUSAT PERHUTANAN SUNGAI LIANG.

SEKSYEN PERKILANGAN DAN HILIRAN PERKAYUAN:

1. Mengawasi operasi syarikat perkilangan papan dan industri hiliran;
2. Menyediakan laporan keluaran hasil bagi setiap syarikat kilang papan dan industri hiliran; dan
3. Mengawas hasil hiliran untuk dieksport dan membuat statistik eksport dan import hiliran perkayuan.

SEKSYEN PENGELUARAN HUTAN, SUNGAI LIANG:

1. Mengawas operasi pembalakan di dalam hutan;
2. Menjalankan cop pokok serta mengetuai pembuatan sempadan blok dan kompartmen;
3. Membuat statistik keluaran kayu balak; dan
4. Menjalankan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan pembalakan.

SEKSYEN PEMULIHAN HUTAN DAN PERUBAHAN IKLIM, SUNGAI LIANG:

1. Mengawas projek penanaman semula bagi kawasan penghijauan, kawasan yang telah dibalok dan kawasan tandus;
2. Membantu dalam penyediaan banciaan tanaman dan memastikan (KPI) penanaman pokok bagi projek perubahan iklim dicapai; dan
3. Mengetuai dalam pengutipan bibit-bibit pokok hutan bagi tujuan penanaman semula dan membantu membuat projek-projek pemberigaaan perubahan iklim.